



**JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA  
NEGERI SARAWAK**

Tingkat 6, Bangunan Tun Datuk Patinggi Tuanku Haji Bujang  
Jalan Simpang Tiga  
93594 Kuching  
SARAWAK



Tel : 082-524 524  
Faks : 082 – 524 599  
Laman Web : www.anm.gov.my

Rujukan kami : JANMSWK/11/1544/3 Jld.4(16)  
Tarikh : 26 Mac 2026

**Semua Ketua Pusat Tanggungjawab (PTJ)  
Di Bawah Seliaan Pejabat Perakaunan JANM Negeri Sarawak**

YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Dr./Tuan/Puan,

**PENYERAGAMAN PERIHAL BAGI MODUL PERAKAUNAN ASET SISTEM iGFMS**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas dan Surat Pekeliling Akauntan Negara (SPANM) Bilangan 3 Tahun 2022, Tatacara Perakaunan Aset Bukan Kewangan Kerajaan (JANM.BKP.600-14/1/11 JLD.4 (4) adalah berkaitan.

2. Merujuk kepada ketetapan SPANM Bilangan 3 Tahun 2022 seperti yang dinyatakan di atas, menjadi tanggungjawab PTJ memastikan perakaunan aset dilaksanakan dengan mematuhi piawaian dan polisi yang sedang berkuat kuasa.
3. Sehubungan dengan itu, bagi memudahkan pelaksanaan di peringkat PTJ dalam memperakaunkan aset di dalam sistem iGFMS, JANM Negeri Sarawak telah menetapkan penyeragaman perihal bagi modul Perakaunan Aset di dalam sistem iGFMS seperti di Lampiran A bagi semua PTJ di bawah Pejabat Perakaunan JANM Negeri Sarawak. Walaubagaimanapun, pemakaian penyeragaman ini dikecualikan kepada PTJ yang telah diarahkan untuk menggunakan penyeragaman perihal bagi modul berkaitan di bawah kawalan dalaman Kementerian masing-masing.
4. Penyeragaman ini berkuat kuasa serta merta pada tarikh surat ini ditandatangani. Kerjasama dan perhatian YBhg. Dato'/Datin/Dr./Tuan/Puan dalam mematuhi arahan penyeragaman ini amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

**'MALAYSIA MADANI'**  
**'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'**  
**'Inovasi Memperkasa Perakaunan Mampan'**

Saya yang menjalankan amanah,

**(ZAINUDDIN BIN MANAF C.A(M), ACMA, CGMA, CPA(M))**

Pengarah

Jabatan Akauntan Negara Malaysia  
Negeri Sarawak

**JADUAL PENYERAGAMAN PERIHAL BAGI MODUL PERAKAUNAN ASET SISTEM iGFMAS**

BIL	MODUL	KETERANGAN	PERIHAL WAJIB	CONTOH PERIHAL (maksimum 140 aksara)
1.	Perolehan Aset	Merekodkan hadiah/sumbangan/lucut aset hak yang diterima oleh PTJ yang telah diluluskan oleh Pihak Berkuasa Melulus.	<nama aset> <surat kelulusan pihak berkuasa melulus> <tarikh terima aset>	Sumbangan Kerusi Pegawai Rujukan JANM/SWK/1234/1 Jld.1 Bertarikh 13.02.2026. Terima Aset Bth 15.02.2026
2.	Penyelesaian Aset Dalam Pembinaan	Melarasan ID Aset Dalam Pembinaan kepada ID Aset Hartanah, Loji dan Peralatan (HLP) atau Aset Tak Ketara (ATK) apabila projek telah memperolehi Certificate of Completion (CPC).	<nama projek> < no. kontrak> <tarikh CPC>	Pelarasan AUC Projek Pembinaan Klinik (Jenis 3) (PWD/HO/B057/2019) (No Aset Baru 100002222718-) Tarikh CPC: 03.05.2026
3.	Pindahan Aset	Memperakaunkan pindahan/pindahan sendiri aset bagi memastikan aset yang dilaporkan adalah mengikut PTJ pemilik sebenar.  Memperakaunkan pindahan/pindahan sendiri aset apabila berlaku pergerakan aset antara PTJ Pegawai Pengawal yang sama atau PTJ Pegawai Pengawal berbeza.	<nama aset> <PTJ Penerima> <kod PTJ> <e-mel/surat/memo kelulusan PTJ Dipertanggung> <tarikh dipermodalkan di Laporan LBA>	Pindahan / Pindahan Kendiri meja mesyuarat kepada JANM Negeri Sarawak 27022001 rujukan surat kelulusan JANM/SWK/1234/1 Jld.1 (02) bertarikh 15.03.2026.  Tarikh dipermodalkan: 01.03.2026
4.	Pengelasan Aset	Memperakaunkan perubahan kelas aset apabila fungsi dan penggunaan aset berubah	<kod akaun> <rujukan surat/memo/e-mel kelulusan BA>	Pengelasan Kod Akaun dari A1435301 kepada A1435399 rujukan kelulusan JANM/SWK/1234/1 Jld.1 (03) bertarikh 15.03.2026.

JADUAL PENYERAGAMAN PERIHAL BAGI MODUL PERAKAUNAN ASET SISTEM iGFMAS

5.	Pelarasan Aset	Memperakaunkan pelarasan aset sekiranya berlaku kesilapan penggunaan kod akaun aset dan pelarasan kos aset yang mungkin berlaku akibat daripada penambahan atau pengurangan kos aset.	<jenis pelarasan yang dilakukan> <rujukan surat/memo/emel kelulusan>	Pelarasan aset daripada belanja kepada aset tak alih (A1435xxx). Rujukan kelulusan JANM/SWK/1234/1 Jld.1 (04) bertarikh 20.03.2026.
6.	Pelupusan Aset	Memperakaunkan pelupusan aset bagi menyahiktiraf aset yang telah direkodkan selepas mendapat kelulusan pelupusan daripada Pihak Berkuasa Melulus	Pelupusan Tahun Semasa: <nama aset> <rujukan kelulusan pelupusan> <tarikh KEW.PA-23>  Pelupusan Melangkau Tahun: <nama aset> <rujukan kelulusan pelupusan> <tarikh KEW.PA-23> <rujukan kelulusan khas BA>	Pelupusan Tahun Semasa: Pelupusan komputer meja. Rujukan JANM/SWK/1234/1 Jld.1 (05) bertarikh 20.03.2026. KEW.PA-23 bth 25.03.2026. Tarikh Pelupusan: 25.03.2026  Pelupusan Melangkau Tahun: Pelupusan komputer meja. Rujukan JANM/SWK/1234/1 (01) bertarikh 01.12.2025. KEW.PA-23 bth 12.12.2025. Tarikh Pelupusan: 12.12.2025. Rujukan kelulusan BA MOF 001/002 bth 20.03.2026
7.	Pembatalan Urus Niaga Aset	Membatalkan perakaunan aset yang telah berjaya diperakaunkan untuk tahun semasa.	<jenis urusniaga> <sebab pembatalan> <rujukan surat/memo/e-mel> <no dokumen> <no aset>	Kesilapan perolehan aset kerana penggunaan kod dana berbeza. Rujukan e-mel bth 03.03.2026 No. Dokumen: 24000005 No. Aset: 100000257893